

Pemuda berdiri teguh di belakang Pak Lah, Najib

Oleh Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Semua Pergerakan Pemuda Umno negeri sebulat suara menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Razak untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Ketua Pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata dalam pertemuan dengan Ketua Pemuda dan Naib Ketua Pemuda Umno negeri itu, mereka menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Abdullah dan Najib.

"Ini adalah pendirian Pergerakan Pemuda Umno yang sebulat suara menyokong kepimpinan mereka (Abdullah dan Najib)," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan semua Ketua dan Naib Ketua Pemuda Umno negeri di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Abdullah ketika ini adalah pemangku Presiden, manakala Najib adalah Naib Presiden yang menjalankan tugas Timbalan Presiden.

Mesyuarat hampir dua jam itu bagi mendapat maklum balas daripada Ketua Pemuda Umno negeri berhubung perjalanan mesyuarat Pemuda peringkat cawangan yang diadakan bulan lain dan bahagian yang sedang berlangsung.

Dalam pertemuan itu, semua Ketua dan Naib Ketua Pemuda Umno negeri yang hadir juga sebulat suara menyokong Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo yang juga Ahli Exco Pergerakan itu untuk bertanding

bagi jawatan Ahli Majlis Tertinggi (MT).

Sementara itu, Hishammuddin berkata, beliau mahu setiap Ketua dan Naib Ketua Pemuda Umno negeri memantau dan memastikan perjalanan mesyuarat dapat diadakan dengan teratur dan tersusun.

"Pemantauan penting terutama minggu pertama persidangan kerana kita lihat sebanyak 147 bahagian Pemuda akan bersidang.

"Selain itu, pemantauan penting kerana ada beberapa keadaan yang berlaku terutama faktor umur. Ramai di kalangan Pemuda akan berundur dan ini bermakna

ramai muka baru akan tampil," katanya.

Beliau berkata, di kalangan Exco Pemuda Umno saja, daripada 27 orang seramai 14 Exco terpaksa berundur kerana cukup umur, manakala ketua bahagian pula daripada 190 orang seramai 75 ketua bahagian sudah mencapai usia 40 tahun.

Selain itu, katanya, di kalangan Ketua Pemuda juga ramai yang akan melepaskan jawatan. Dari pada jumlah itu seramai 62 ketua Pemuda menang tanpa bertanding bagi jawatan peringkat bahagian.

Hishammuddin berkata, dari pada 13 Exco Pemuda yang masih lagi layak memegang jawatan dalam pergerakan itu dijangka hanya 10 Exco yang akan menawarkan diri untuk jawatan itu dan yang lain akan dikosongkan untuk pertandingan.

Beliau berkata, di kalangan Exco Pemuda yang menawar diri di bahagian, enam menang tanpa bertanding termasuk beliau sendiri sebagai Ketua Umno Bahagian Sembrong.

MENJELANG



PERHIMPUNAN
AGUNG



HISHAMMUDDIN mengadakan pertemuan dengan Ketua dan Naib Ketua Pemuda Negeri pada sidang media di FWTC, semalam. - Gambar oleh Dzulkefli Mustapha

'Terserah kepada Khairy'

KUALA LUMPUR: Keputusan sama ada Ahli Exco Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin untuk bertanding jawatan Naib Ketua Pemuda Umno atau sebaliknya terserah kepada beliau sendiri, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Hishammuddin berkata, beliau tidak mahu membuat sebarang spekulasi mengenai apa yang akan berlaku jika Khairy bertanding atau menolak pencalonannya. Apa juga tindakan yang perlu dilakukan Pemuda, akan dibuat selepas Khairy membuat keputusannya.

"Sekarang bukan dalam keadaan mungkin kerana dalam politik ada banyak perkara yang boleh berlaku. Kita akan hadapi bila ia berlaku dan

tidak perlu spekulasi, ia tidak akan habis di situ.

"Kalau Khairy terima pencalonan Alhamdulillah, dan kalau dia menolak pencalonannya, kita akan hadapi pada masa dan ketika itu," katanya selepas menemui Ketua Pemuda dan Naib Ketua Pemuda Umno Negeri di sini semalam.

Beliau diminta mengulas kedudukan dalam jawatan pergerakan itu jika Khairy menolak pencalonan yang sudah pasti akan berlaku kekosongan selepas beberapa pemimpin, Pemuda menarik diri daripada bertanding bagi jawatan itu.

Khairy dijangka membuat pengumuman hari ini, sama ada menawarkan diri untuk bertanding jawatan

Naib Ketua Pemuda Umno, pada pemilihan parti September ini,

• Jawatan Naib Ketua Pemuda akan dikosongkan oleh Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir kerana sudah mencapai had umur 40 tahun.

Mengenai beberapa negeri yang sudah mencalonkan beliau untuk jawatan ketua dan Khairy bagi naib ketua, beliau berkata pencalonan itu sedikit sebanyak menunjukkan petanda adanya sokongan.

"Yang penting untuk kita pastikan bahawa apa juga pendirian yang dibuat pada peringkat bahagian ia adalah landasan untuk ahli kita menyuarakan dan menentukan kedudukan pemimpin di peringkat parti," katanya.